



SIARAN AKHBAR

PROGRAM SOSIAL INOVASI TINGKATKAN KECEKAPAN KESELAMATAN SIBER DI KALANGAN CYBERPREENEUR

KUALA TERENGGANU (15 November 2015) – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui agensinya, CyberSecurity Malaysia, mengadakan satu program latihan peningkatan kecekapan keselamatan siber dan maklumat bagi melatih komuniti setempat terutamanya usahawan online.

“Melalui program latihan yang diadakan ini, usahawan wanita tersebut kini dikenali sebagai Cyberpreneur. Selain mengetahui dan memahami isu-isu keselamatan siber semasa, ancaman, risiko, serta modus operandi terkini jenayah siber, diharapkan agar Cyberpreneur kini lebih yakin dalam mengendali dan mengurus perniagaan atas talian mereka.” ujar Datuk Seri Panglima Madius, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, semasa perasmian Karnival Inovasi, Creativity Science 4U Zon Timur pada hari ini. Teks ucapan beliau telah disampaikan oleh YBhg. Dato’ Dr. Mohd Azhar Hj. Yahaya, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

Sempena karnival tersebut, seramai 30 orang usahawan wanita dari Terengganu yang merupakan ahli Federation of Women Entrepreneurs Associations Malaysia (FEM) telah menjalani program latihan peningkatan kecekapan keselamatan siber dan maklumat selama dua hari dengan kerjasama Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

Program ini dijalankan melalui inisiatif MOSTI yang dikenali sebagai Program Inovasi Sosial MOSTI. Menurut YB. Datuk Seri Panglima Madius Tangau, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Program Inovasi Sosial MOSTI ini diperkenalkan bagi membantu masyarakat mengatasi masalah yang dihadapi serta dalam masa yang sama meningkatkan ekonomi dan kesejahteraan hidup mereka melalui pelaksanaan

projek perkhidmatan, peningkatan kemahiran atau hasil inovasi yang boleh dilaksanakan secara mampan.

Karnival Inovasi, Creativity Science 4U merupakan acara tahunan MOSTI dalam usaha Kementerian meningkat, memperkasa dan membudayakan pembelajaran serta pengetahuan mengenai bidang Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) dalam kalangan masyarakat Malaysia ke arah penghasilan kekayaan, penjanaan ilmu dan kesejahteraan rakyat.

Selain komuniti setempat, karnival ini turut melibatkan pelbagai pihak antaranya murid-murid sekolah, pelajar-pelajar universiti dan kolej, penjawat awam, pekerja di sektor swasta, komuniti tempatan dan juga masyarakat umum dari tiga buah negeri, iaitu Kelantan, Terengganu dan Pahang.

Selain pameran STI oleh agensi-agensi MOSTI seperti CyberSecurity Malaysia, Agensi Nuklear Malaysia (ANM), Yayasan Angkasawan Malaysia (YAM), Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (LPTA) and Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan (YPASM) dan Cyberpreneurs, pelbagai acara menarik turut disusun di sepanjang Karnival ini bagi menarik orangramai untuk berkunjung ke tapak Karnival.

Antara acara yang mendapat perhatian ramai ialah persempahan “Battle of the Buskers”, “Waziboys Circuit” serta “Buskers.balcony.TV”. Sementara itu, terdapat juga sesi ceramah interaktif, pencerapan matahari, bengkel mencipta roket, ujibakat pembaca ramalan cuaca, CyberSAFE Quest serta Projek Inovasi Sekolah yang akan mempamerkan hasil inovasi dan kreativiti 20 projek dari sekolah-sekolah di Zon Timur.

Turut hadir di majlis perasmian ini ialah YB. Dato' Hj. Mohd Zubir Embong, Yang DiPertua Dewan Undangan Negeri Terengganu yang mewakili YAB. Menteri Besar Terengganu.

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)

No. Telefon : 03-8885 8299

No. Faks : 03-8890 3092

Pertanyaan lanjut : Alice Suriati bt Mazlan (Ketua Komunikasi Korporat) di talian 019-3274966